

Akademika 90(1), April 2020: 181-191

<https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-15>

Tun Mustapha dan Pengukuhan Islam di Sabah: 1963 – 1973

Tun Mustapha and the Strengthening of Islam in Sabah: 1963 - 1973

MOHD NUR HIDAYAT HASBOLLAH HAJIMIN, PG MOHD FAEZULFIKRI AG OMAR &
NOOR AFIQAHATHIRAHHAJIMIN

ABSTRAK

Pada awal kemerdekaan Sabah, hal ehwal dan kepentingan orang-orang Islam menghadapi kekangan untuk dilaksana dan dikembangkan. Hal inikerana komposisi orang Islam yang minoritidan tampuk politik majoritinya dibarisi oleh orang bukan Islam. Senario ini telah memberikan implikasi yang besar apabila sukar untuk mengangkat suara orang-orang Islam dalam dasar pentadbiran dan pembangunan negeri. Berdasarkan kepada senario tersebut, wujud keperluan yang jelas untuk membuat perubahan. Bagi mencapai matlamat tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Islam Sabah antaranya Tun Mustapha. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis peranan yang telah dilakukan oleh Tun Mustapha dalam mengangkat Islam kepada kedudukan yang lebih baik dan kukuh di Sabah. Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Kajian mendapati usaha dakwah dan islamisasi besar-besaran yang dilaksanakan oleh Tun Mustapha telah meningkatkan komposisi orang Islam daripada minoriti kepada majoriti sehingga menjadi faktor kepada pindaan Perlembagaan Negeri Sabah. Direkodkan 75,000 sehingga 100,000 orang telah menganut Islam melalui proses Islamisasi tersebut. Peratus komposisi Islam pada awal pemerintahan Tun Mustapha tahun 1967 iaitu 38.7% telah meningkat kepada 53% ketika pemerintahan beliau berakhir tahun 1976. Peningkatan tersebut telah memberikan peluang kepada pindaan Perlembagaan Negeri Sabah Perkara 5(A) untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah pada 23 September 1973. Dengan pindaan tersebut, hal ehwal dan kepentingan orang-orang Islam dalam segenap aspek sama ada politik dan pentadbiran, ekonomiserta sosial yang sebelum ini menghadapi kekangan untuk dilaksanakan, telah berkembang seperti yang ada pada masa kini.

Kata kunci: Tun Mustapha; pengukuhan Islam; agama rasmi negeri; Sabah; Islamisasi

ABSTRACT

In the early days of Sabah's independence, Muslim's interests and affairs faced numerous difficulties to be implemented and developed. This was because the composition of Muslims as minorities while the state's politics majorly governed by the non-Muslims. This scenario resulted in huge implications as it was difficult to raise the voices of Muslims in the state's administration and development policies. Based on these scenarios, there was a clear need to make changes. To achieve this goal, various efforts have been made by muslim leaders of Sabah such as Tun Mustapha. Therefore, this study aims to analyse the roles by Tun Mustapha in bringing Islam and strengthening the position in Sabah. This qualitative study was conducted by using the content analysis approach and interviews. The datas and informations obtained were analysed descriptively and arranged thematically. This study found that the relatively huge missionary and Islamization efforts by Tun Mustapha have improved the muslim's composition to majorities thus became a contributing factor to the amendment of Sabah State Constitution. It was recorded that 75,000 to 100,000 people have converted to Islam through the Islamization process. The Muslim's percentage has increased from 38.7% to 53% during Tun Mustapha's rule (1967-1976). The tremendous increase provided an opportunity for the amendment of Article 5(A) of Sabah State Constitution to recognise Islam as the official religion of Sabah on 23 September 1973. With the article's amendment, today, the difficulties of Muslim's interests and affairs in all aspects in politics and administration, economics, and socials had improved and developed.

Keywords: Tun Mustapha; strengthening Islam; official state religion; Sabah; Islamization

PENGENALAN

Penetapan agama rasmi negeri memainkan peranan yang penting dalam menjaga hal-ehwal dan kepentingan penganut sesebuah agama. Melalui penetapan agama rasmi negeri, ia akan dapat menjadi salah satu dasar dalam pentadbiran negeri untuk menubuh, menyenggara, membantu, mengeluarkan perbelanjaan dan mengembangkan segenap entiti/ institusi yang bertujuan untuk menghidupkan sesebuah agama tersebut (Mohamed Anwar et al. 2017: 104).

Dalam konteks negeri Sabah, semasa di awal kemerdekaan tahun 1960-an, penetapan Islam sebagai agama rasmi negeri menjadi harapan yang signifikan kepada masyarakat Islam. Hal ini kerana, dengan penetapan tersebut dapat menjaga hal ehwal dan kepentingan masyarakat Islam dalam segenap aspek ekorankedudukan mereka dalam komposisi minoriti dan sukar untuk membawa suara Islam di dalam pentadbiran dan pengurusan negeri (Ismail 2004: 83 & 90). Bagi mencapai matlamat tersebut, usaha ini telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Islam Sabah antaranya Tun Datu Mustapha Datu Harun atau dikenali sebagai Tun Mustapha.

Oleh itu, kajian ini akan menganalisis peranan-peranan yang dilakukan oleh Tun Mustapha dalam mengangkat Islam kepada kedudukan yang lebih baik sehingga mempunyai kedudukan yang kukuh di Sabah. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual. Data dan maklumat yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik.

Kajian mendapati antara peranan yang dilakukan oleh Tun Mustapha adalah menjalankan usaha dakwah dan islamisasi secara besar-besar di seluruh Sabah termasuk kawasan pedalaman bagi meningkatkan komposisi orang-orang Islam (Emin 2009: 93). Direkodkan di era pemerintahan Tun Mustapha dianggarkan seramai 75,000 (Mohammad Agus 1999: 14) sehingga 100,000 orang (Abdullah 1976: 78) telah memeluk Islam. Dengan peningkatan tersebut, ia telah mengubah komposisi Islam yang asalnya minoriti iaitu 38.7% ketika awal pemerintahan Tun Mustapha pada tahun 1967 kepada 53% pada tahun 1976 ketika pemerintahan beliau berakhir (Bainol 2018: 193; Robert O. Tilman 1976: 500).

Usaha Tun Mustapha bukan sahaja telah meningkatkan jumlah orang Islam dari kalangan rakyat kebanyakan, malah telah menarik ahli-ahli

politik bukan Islam untuk menerima Islam. Hal ini sekaligus turut mengubah komposisi ahli dewan undangan negeri (ADUN) Sabah menjadi majoriti Muslim (Hamdan 2015: 181). Dengan perubahan tersebut, ia telah membuka jalan kepada pindaan Perlembagaan Negeri Sabah Perkara 5(A) bagi menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah pada 23 September 1973 (Emin 2009: 93). Dengan pindaan tersebut, masalah dan kepentingan orang-orang Islam dalam segenap aspek sama ada politik, ekonomi, sosial dan sebagainya dapat dilaksanakan dan dikembangkan. Walaupun Tun Mustapha telah kembali kerahmatullah, namun beliau telah meninggalkan satu tapak dan benteng yang kukuh dalam menjaga hal ehwal dan kepentingan orang-orang Islam di Sabah sehingga kini.

LATAR BELAKANG TUN MUSTAPHA

Nama sebenar Tun Mustapha ialah Datu Mustapha Datu Harun. Beliau dilahirkan pada 31 Ogos 1918 di Kg. Limau-Limauan, Kudat dan berketurunan Suluk. Beliau merupakan Yang di-Pertua Negeri Sabah yang pertama dari tahun 1963 sehingga 1965 dan Ketua Menteri Sabah ke-3 dari tahun 1967 sehingga 1976 (Sabihah et al 2006: 1). Karier politik beliau bermula sebelum merdeka lagi apabila pada tahun 1954 dilantik sebagai Ahli Majlis Undangan Negeri Borneo Utara (selepas merdeka Borneo Utara ditukar kepada Sabah) dan seterusnya dilantik sebagai Ahli Majlis Kerja Borneo Utara tahun 1956. Sebagai persediaan membentuk Malaysia dan berkerajaan sendiri, Tun Mustapha telah mengasaskan parti politiknya iaitu United Sabah National Organization (USNO) pada 24 Disember 1961. Seperti mana parti lain yang ditubuhkan berdasarkan suku kaum dan agama, parti ini juga ditubuhkan berorientasikan kepada suku kaum bumiputera Muslim. Selain politik, beliau juga bergiat aktif dalam gerakan dakwah dan perkembangan Islam. Penglibatan beliau dalam dakwah Islam dapat dilihat apabila beliau juga merupakan pengasas dan Yang di-Pertua bagi pertubuhan Islam bukan kerajaan iaitu Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dan antara pengasas pertubuhan Islam bukan kerajaan antarabangsa iaitu Rabitah Alam al-Islami atau dikenali sebagai Muslim World League yang berpusat di Arab Saudi (Nurasnie 2012: 110-111). Selain itu, beliau juga pernah bergerak aktif dalam Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) pada tahun 1977 sehingga 1979 (Arkib Negara Malaysia 2011).

Beliau telah meninggal dunia pada 2 Januari 1995 ketika berusia 77 tahun di Pusat Perubatan Sabah Likas, Kota Kinabalu kerana menghidap penyakit jantung. Beliau telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Putatan bersebelahan pusara isterinya Toh Puan Rahmah Zulkarnain seperti mana yang diwasiatkannya (MohdAzrone 2008: 7). Sungguhpun beliau telah kembali ke rahmatullah, namun jasa dan sumbangannya terhadap perkembangan Islam di Sabah adalah amat besar. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan Sabah, malah merupakan tokoh Islam Sabah kerana telah meninggalkan satu tapak yang kukuh dalam mengangkat syiar Islam di Sabah. Sepanjang hayat beliau telah dianugerahkan dengan pelbagai anugerah pingat dan darjah kebesaran dari dalam dan luar negara, antaranya Knight Commander of Republic of Lebanon daripada Presiden Lebanon pada tahun 1972, Seri Darjah Paduka Chura Si-Maharaja (S.P.C.M) dengan gelaran “Dato Seri” daripada Sultan Perak, Seri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K) dengan gelaran “Datuk Seri Panglima” dan Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N) dengan gelaran Tun pada 26 November 1964 (Arkib Negara Malaysia 2011).

PERKEMBANGAN ISLAM DI SABAH SEBELUM KEMERDEKAAN (1881-1963)

Sebelum kemasukan pengaruh agama, masyarakat Sabah tidak menganuti sebarang agama (paganisme) sebaliknya mengamalkan kepercayaan animisme (Halina Sendera 2017: 40). Sabah mulai dikesan menerima pengaruh agama Islam pada tahun 1300-an (Mat Zin 2003: 27) dan Kristian pada tahun 1800-an (Regina 2008: 113). Meskipun kemasukan Islam berlaku lebih awal, namun perkembangan agama Kristian adalah lebih pesat. Hal ini kerana fasa-fasa penjajahan yang berlaku ke atas Sabah telah dilakukan oleh penjajah-penjajah bukan Islam. Sabah yang sebelumnya dikenali sebagai Borneo Utara mulai dijajah pada tahun 1881 sehingga 1942 oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB). Seterusnya ketika Perang Dunia ke-2, Sabah telah dijajah oleh Jepun pada tahun 1942 sehingga 1946. Selepas Perang Dunia ke-2 berakhir dan Jepun menyerah kalah, Sabah telah diletakkan di bawah pentadbiran British dan dikenali sebagai Tanah Jajahan Mahkota British bermula pada tahun 1946 sehingga tahun 1963. Seperti mana penjajahan Barat di negara-negara

lain, penjajahan British ke atas Sabah juga adalah bermotifkan kepada 3G iaitu *God* (Tuhan), *Gold* (Emas) dan *Glory* (Kegemilangan) (Ismail 2004: 83). Penjajahan yang berlaku bukan sahaja bertujuan untuk mengembangkan pengaruh politik dan menguasai ekonomi, akan tetapi turut menyebarkan pengaruh agama. Dalam rangka menyebarkan pengaruh agama, beberapa badan Kristian telah dibawa masuk oleh pihak SBBUB seperti Roman Katolik (*Roman Catholic*), Anglikan (*Anglican*), Persatuan Perkembangan Kitab Injil (*Society for the Propagation of the Gospel*), Persatuan Mubaligh Gereja Australia (*Australia Church Missionary Society*), Gereja Persendirian Basel-Borneo (*Borneo-Basel Self-Established Church*), *Seventh Day Adventists (S.D.A)*, *St. Joseph's Foreign Missionary Society of Mill Hill, England* dan Mission Evanglikal Borneo (*Borneo Evangelical Mission*) (Muhiddin 1990: 13).

Selaku pemerintah, dengan mudah pihak penjajah dapat menjalankan gerakan missionari keseluruhan Sabah dengan bantuan badan-badan Kristian antarabangsa yang menyumbangkan pelbagai kemudahan seperti khidmat paderi dan mubaligh serta bantuan kewangan. Gerakan missionari yang sistematik dengan pelbagai bantuankemudahan ini telah membantu agama Kristian disebarkan ke seluruh Sabah termasuklah kawasan-kawasan pedalaman. Para paderi dan mubaligh tidak berdepan dengan kesukaran untuk memasuki kawasan pedalaman seperti Keningau, Tenom, Pensiangan dan lain-lain kerana diberikan kemudahan kapal terbang oleh pihak *Missionary Aviation Fellowship (MAF)* (Ismail 1994: 98). Setiap tempat yang dimasuki akan dijadikan sebagai pusat perkembangan Kristian. Dakwah Kristian disebarkan dengan pelbagai medium sama ada dari sudut pendidikan, pertanian, perniagaan, perkhidmatan kesihatan dan lain-lain lagi. Malah institusi-institusi Kristian turut dibina seperti gereja dan sekolah. Terdapat masjid dan surau yang telah sedia ada turut dirobuhkan bagi tujuan pembinaan gereja. Dalam tempoh kira-kira 40 tahun, perkembangan agama Kristian adalah lebih pesat berbanding Islam (Ismail 2004: 1994). Perkara ini dapat dilihat umpamanya pada tahun 1940 penubuhan sekolah Kristian direkodkan terdapat 27 buah di seluruh Sabah. Seterusnya pada tahun 1963 telah meningkat kepada 121 buah di seluruh Sabah (Ismail 1997: 53-55). Ini berbeza bagi sekolah agama Islam, apabila pada tahun 1970 hanya terdapat 68 buah di seluruh Sabah (Hamdan 2013: 167-178).

Sepanjang penjajahan berlaku, perkembangan Islam tidak dapat menyaingi dan mencapai perkembangan seperti manaagama Kristiansama ada dari segi politik, ekonomi, dakwah, pendidikan, perundangan dan sebagainya. Pada waktu yang sama walaupun dakwah Islam tetap berjalan, bagaimanapun agak terhad kerana dijalankan melalui individu dan berkumpulan secara sukarela. Tidak terdapat sebuah badan dan organisasi khusus yang bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti dakwah. Selain itu, faktor kewangan dan kemudahan pengangkutan yang terbatas juga menjadi faktor Islam sukar untuk disebarkan ke seluruh Sabah. Malah tidak dinafikan terdapat halangan daripada pihak penjajah sendiri terhadap usaha-usaha untuk mengembangkan Islam. Perkara ini dapat dilihat apabila terdapat pendakwah Islam iaitu Imam Suhaili Haji Yaakub yang diberikan notis 24 jam untuk keluar daripada Sabah pada 13 Ogos 1956 (Moktar 1988: 26). Selain itu, terdapat juga undang-undang yang melarang migrasi orang-orang Islam ke kawasan-kawasan penempatan bukan Islam. Mesyuarat Dewan Undangan North Borneo pada 15 April 1935 di bawah perkara Concentration of Mohammedan Community menyatakan:

“It is asked for sanction to prohibit migration of any member of Mohammedan Community to non-Mohammedan village. Any person offending against this prohibition should be made liable to prosecution (under village Administration Ordinance)” (Moktar 1988: 26).

Keadaan ini juga tidak berbeza ketika Perang Dunia ke-2 berlaku apabila Jepun menjajah Sabah pada tahun 1942 sehingga 1946. Dalam tempoh penjajahan yang singkat, Jepun telah melaksanakan dasar penjepunan dalam segenap aspek sama ada politik, ekonomi, sosial dan

sebagainya (Dayu 2013: 109-110). Kebanyakan kemudahan-kemudahan yang telah dibina dan disediakan oleh pihak SBBUB seperti sekolah telah ditutup kerana sikap Jepun yang anti terhadap barat (Mohd Nor 1978:16-17). Penduduk tempatan dikerah untuk mengadaptasi hal ehwal Jepun sama ada bahasa, tulisan, budaya dan sebagainya dalam segenap aspek kehidupan mereka (Dayu 2013: 109-110). Secara langsung, penjajahan Jepun telah membantutkan perkembangan Kristian dan juga Islam.

Demografi penduduk juga merupakan salah satu aspek dalam melihat perkembangan Islam di Sabah. Sepanjang penjajahan dan sehingga awal kemerdekaan, perkembangan komposisi penduduk berdasarkan agama di Sabah dapat dilihat seperti Jadual.

Berdasarkan jadual di atas, bancian penduduk Sabah mengikut agama telah dilakukan pada tahun 1921, 1931, 1951 dan 1960 oleh pihak Syarikah Berpiagam Borneo Utara British dan Kerajaan British. Terdapat beberapa kumpulan agama utama yang ada pada ketika itu iaitu Islam dan Kristian. Manakala Hindu dan Buddha tidak mempunyai rekod, namun kemungkinan dimasukkan ke dalam kumpulan ‘lain-lain’ agama. Kumpulan tidak beragama juga merupakan kumpulan utama yang direkodkan. Hal ini kerana penduduk Sabah pada ketika itu masih lagi berpegang kepada kepercayaan animisme dan paganism (Saidatul Nornis 2018: 107).

Berdasarkan jadual tersebut, pada tahun 1921, keseluruhan penduduk Sabah direkodkan adalah seramai 257,804 orang. Daripada jumlah tersebut penganut Islam adalah seramai 81,886, Kristian 6980, lain-lain 33,513 dan tidak beragama seramai 135,425 orang. Daripada jumlah tersebut peratusan komposisi penganut Islam hanyalah 32%. Majoritinya adalah bukan Islam termasuk tidak

JADUAL 1. Komposisi Penduduk Sabah Berdasarkan Agama

Agama/Tahun	1921	1931	1951	1960
Islam	81886 (32%)	86713 (32%)	115126 (45%)	172324 (38%)
Kristian	6980 (3%)	10454 (4%)	29092 (11%)	75247 (17%)
Buddha				
Hindu				
Lain-lain	33513 (13%)	41463 (15%)	33513 (13%)	206740 (46%)
Tidak Beragama	135425 (53%)	131593 (49%)	135425 (53%)	
Tidak diketahui				
Jumlah	257804 (100%)	270223 (100%)	257804 (100%)	454311 (100%)

Sumber: Diambil dan diubahsuai daripada North Borneo Census & Banci Penduduk & Perumahan Malaysia

beragama dengan 68%. Keadaan ini berterusan sehingga awal kemerdekaan Sabah.

Menurut bancian tahun 1960 pula yang dilakukan oleh kerajaan British ketika Sabah diletakkan di bawah Tanah Jajahan Mahkota British, berlaku peningkatan signifikan terhadap penganut setiap agama sehingga mengurangkan jumlah penganut tidak beragama. Daripada keseluruhan penduduk Sabah yang berjumlah 462,496 orang, penganut Islam direkodkan berjumlah seramai 154,165 orang. Manakala penganut Kristian seramai 46,155 orang, dan agama-agama lain seramai 262,176 orang (Jones 1962). Berdasarkan angka tersebut, jelas menunjukkan bahawa penganut Islam kekal berada dalam komposisi minoriti dengan peratusan 33%. Selebihnya 67% iaitu majoritinya dibentuk oleh bukan Islam.

PERKEMBANGAN ISLAM DI SABAH AWAL KEMERDEKAAN (1963 -1973)

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada tahun 1963, perkembangan Islam masih lagi bergerak perlahan. Hal ini kerana tampuk pemerintahan negeri majoritinya disandang oleh orang bukan Islam (Mohd Nur Hidayat Hasbollah 2016:1010). Senarai menteri kabinet negeri Sabah pertama pada tahun 1963 adalah:

1. Ketua Menteri: Tun Haji Fuad Donald Stephen (Menganut Islam pada tahun 1969)
2. Timbalan Ketua Menteri: Datuk G.S. Sundang
3. Ketua Setiausaha: R.M. Turner
4. Setiausaha Jemaah Menteri/Setiausaha Sulit Yang di-Pertua Negeri: R. Bob Speedy
5. Menteri Kewangan: Datuk Pang Tet Tshung
6. Menteri Kerajaan Tempatan: Tan Sri Harris Salleh
7. Menteri Perhubungan dan Kerja Raya: Datuk Khoo Siak Chew
8. Menteri Pertanian: Tan Sri Mohd Said Keruak
9. Peguam Negara: R. Jones
10. Akauntan Negara: A. Jones
11. Menteri Sumber Asli: Datuk Richard E. Yapp.

Berdasarkan senarai di atas, daripada 11 jawatan, tiga jawatan disandang oleh orang British, selebihnya tujuh jawatan disandang oleh rakyat tempatan dan hanya dua daripanya dijawat oleh orang Islam iaitu Tan Sri Harris Salleh dan Tan Sri Mohd Said Keruak (Mohd Nur Hidayat Hasbollah

2016: 132). Walaupun pada ketika itu ketua negeri yang dikenali sebagai Tuan Yang di-Pertua Negeri juga adalah seorang Muslim iaitu Tun Mustapha, namun posisi tersebut tidak mempunyai bidang kuasa dalam menentukan urus tadbir negeri termasuklah penubuhan dan perkembangan hal ehwal Islam. Kesannya, institusi-institusi yang berfungsi untuk menjaga dan mengembangkan Islam seperti majlis agama, jabatan agama, institusi zakat dan baitulmal, mahkamah syariah, pembinaan masjid dan surau, dan lain-lain tidak dapat dilaksanakan.

Senario yang berlaku menyebabkan orang-orang Islam perlu mencari jalan agar hal ehwal dan kepentingan-kepentingan Islam dapat ditubuh dan dibangunkan keseluruhannya. Keperluan untuk melakukan perubahan semakin dikuatkan lagi apabila kepimpinan Ketua Menteri Tun Fuad Donald Stephen dilihat mengutamakan pembangunan terhadap orang-orang Kadazandusun yang majoritinya beragama Kristian. Tun Mustapha menuntut agar pembangunan negeri dijalankan hendaklah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan bukannya faktor agama (Ismail 1994: 90-91). Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Islam termasuklah Tun Mustapha sendiri. Usaha beliau dilihat bermula apabila beliau melepaskan jawatannya sebagai Yang di-Pertua bagi bertanding dalam pilihanraya dan berjaya menjawat jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah ke-3 pada tahun 1967 (Faisal S. 2018: 346; Tillman 1976: 498). Kemenangan ini telah memberi peluang kepada Tun Mustapha untuk memberikan tempat kepada orang-orang Islam menyertai barisan kabinet negeri, seperti manaberikut (Jabatan Ketua Menteri Sabah t.th):

1. Ketua Menteri: Tun Datu Mustapha Datu Harun
2. Timbalan Ketua Menteri: G.S Sundang
3. Timbalan Ketua Menteri/ Menteri Perhubungan dan Kerja Raya: Khoo Siak Chiew
4. Menteri Kewangan/ Menteri Pembangunan Industri: Tan Sri Harris Salleh
5. Menteri Kewangan: Salleh Sulung (Iantikan tahun 1968 menggantikan Tan Sri Harris Salleh)
6. Menteri Pertanian dan Perikanan: Tan Sri Said Keruak
7. Menteri Kerajaan Tempatan/Menteri Perhubungan dan Kerja Raya: Pang Tet Tshung
8. Menteri Penyelarasan: Mohd Yassin Hashim

9. Menteri Kebajikan Masyarakat: Payer Juman
10. Menteri Kesihatan: Wong Lok Kham
11. Menteri Kerajaan Tempatan: Habib Abdul Rahman

Walaupun Tun Mustapha telah mempunyai satu kedudukan yang baik untuk melaksana dan menjaga kepentingan-kepentingan Islam, namun beliau sedar bagi memastikan kepentingan Islam dapat terus dipelihara perlu kepada pindaan perlembagaan negeri agar menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri (Norsuhaila et. al 2019: 249; Emin 2009: 40-42). Hal ini jelas bahawa dengan penetapan Islam sebagai agama rasmi sesebuah negeri atau negara, akan memberikan impak yang besar terhadap perkembangan Islam seperti mana penetapan Islam sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan (Wan Ahmad Fauzi et. al 2017: 185; Mohamed Anwar et al 2017: 104). Secara langsung juga, ia memberikan kedudukan istimewa kepada Islam untuk menubuh dan melaksanakan entiti dan kepentingan-kepentingan Islam keseluruhannya. Bagaimanapun, disebabkan Islam bukanlah kumpulan majoriti di Sabah, maka untuk agama Islam mendapat kedudukan 'istimewa' dalam perlembagaan negeri berdepan dengan kekangan. Oleh itu, perlu satu usaha untuk mengubah komposisi tersebut. Perkara ini jelas menjadi titik tolak pertama yang perlu diberikan perhatian dalam usaha mencapai matlamat tersebut.

Justeru, sebagai langkah pertama Tun Mustapha telah menubuhkan sebuah badan dakwah Islam bukan kerajaan iaitu Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (United Sabah Islamic Association-USIA) pada 16 Ogos 1969 (Syamruddin & Abd. Ghofur 2017: 167). Ia merupakan pertubuhan yang menggabungkan tiga persatuan Islam sedia ada di Sabah sebelum itu iaitu Persatuan Islam Tawau (PIT) yang diasaskan oleh Datuk Haji Abu Bakar Titingan pada tahun 1955, Persatuan Islam Putatan (PIP) yang diasaskan oleh Awang Sahari Abdul Latif pada tahun 1959, dan Persatuan Islam Sabah (PIS) yang diasaskan oleh Haji Yusuf Shamsuddin pada tahun 1960. Pertubuhan ini ditubuhkan sebagai badan utama menjalankan usaha dakwah bagi meningkatkan komposisi orang Islam di Sabah (Sharifah Sara Hasliza & Akhmetova 2019: 266; Suzanah 2012: 117). Selain itu, USIA juga berperanan dalam menjaga hal ehwal Islam yang lain seperti pendidikan, zakat, haji, pembinaan masjid dan surau memandangkan pada ketika itu belum wujud lagi badan atau agensi khusus kerajaan berkaitan pentadbiran dan pengurusan

hal ehwal Islam Sabah. Disebabkan kekurangan agamawan dari kalangan orang tempatan, Tun Mustapha telah membawa masuk golongan agamawan dari luar seperti Filipina, Arab Saudi, Indonesia, Semenanjung Malaysia dan lain-lain lagibagi menjalankan usaha dakwah (Matin 2017; Awang Sahari 1994:1-10). Umpamanya pada tahun 1974 seramai 18 orang agamawan daripada Indonesia telah dijemput khas oleh Tun Mustapha sendiri untuk berdakwah di Sabah. Mereka adalah Ustaz Aliyudin Kamidi, Ustaz Haji Abd Khalik Masidin, Ustaz Dr. Adnan Idris, Dr. Munir Siregar, Ustaz Muhd Nawawi Muhammad, Ustaz Mansuruddin Batubara, Ustaz Mutalib Endra, Ustaz Yakub Lubis, Ustaz Mokhtar Zainudin, Ustaz Ahmad Darbi Lubis, Ustaz Syafie Raja Duyut, Ustaz Iyen Yatim, Ustaz Jalidar Abdul Rahim, Ustaz Ghazali Sulaiman, Ustaz Ahmad Zaini, Ustaz Yahya Arshad, Ustaz Syarian Syah dan Ustaz Haji Muchlish Sitanggang Ali Kasim (Iyen 2016 & Muchlish 2016). Gerakan dakwah telah dilakukan hampir ke seluruh Sabah termasuk di kawasan-kawasan pedalaman seperti Ranau, Keningau, Tenom, Nabawan dan sebagainya (Najion Jamil 2010: 28)

Pada tahun 1971, Tun Mustapha telah menubuhkan sebuah badan agama kerajaan iaitu Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) yang turut berfungsi membangunkan hal ehwal dan kepentingan-kepentingan orang Islam. Dengan adanya badan tersebut, kepentingan-kepentingan Islam dapat dijalankan sepenuhnya melalui kerajaan sama adadari segi pendidikan, dakwah, zakat dan baitulmal, pengurusan haji dan sebagainya. Bagaimanapun, penubuhan MUIS bukanlah satu jaminan dalam menjaga kelangsungan hal ehwal Islam di Sabah bagi jangka masa panjang. Bagi Tun Mustapha, kelangsungan pemeliharaan kepentingan orang-orang Islam untuk jangka masa panjang akan dapat diperoleh apabila Islam dinobatkan sebagai agama rasmi negeri. Oleh itu, usaha dakwah giat diteruskan bagi mengubah komposisi orang-orang Islam sebagai kumpulan majoriti.

Gerakan dakwah pada era Tun Mustapha telah diiktiraf sebagai satu era perkembangan dakwah yang paling gemilang dalam sejarah peradaban Islam di Sabah. Dianggarkan sepanjang Tun Mustapha memegang jawatan Ketua Menteri dari tahun 1967 sehingga tahun 1976, direkodkan seramai 50,000 sehingga 75,000 orang telah menganut Islam (Mohammad Agus 1999: 14). Sekiranya dicampur dengan anak-anak mereka

dianggarkan mencapai 100,000 orang (Abdullah 1976: 168; Suraya 2013: 78). Jumlah tersebut secara langsung telah mengubah komposisi orang-orang Islam di Sabah daripada 38.7% ketika Tun Mustapha mulai memegang jawatan Ketua Menteri kepada 53% ketika pemerintahan beliau berakhir (Robert 1976: 500).

Usaha dakwah yang dijalankan oleh Tun Mustapha bersama USIA, bukan sahaja telah meningkatkan jumlah saudara baru dari kalangan rakyat kebanyakan, malah telah menarik tokoh-tokoh masyarakat bukan Islam untuk menganut Islam. Salah seorang pendakwah dan pengasas USIA iaitu Datuk Haji Awang Sahari Abdul Latif menyatakan dakwah kepada terhadap tokoh-tokoh masyarakat merupakan antara langkah yang berkesan untuk menarik lebih ramai kepada Islam (Awang Sahari 1994: 1-10). Hasilnya, Islam dapat diterima oleh beberapa ahli politik dan pemimpin etnik seperti Tun Fuad Donald Stephen iaitu mantan Ketua Menteri Sabah pertama, Dato Ghani Gilong, Andrew Matakim (Idrus Matakim), Suffian Koroh, Fazil Wong, Johari Majakil, Abdul Latif Hawkins dan Mohd Noor Nicholas (Hamdan 2015: 181). Secara tidak langsung, pengaruh yang ada pada tokoh-tokoh tersebut turut menarik pengikut-pengikut mereka untuk menganut Islam seperti Tun Fuad yang dikenali sebagai *Huguan Siou* (Pemimpin Agung) (Julia 2018) bagi orang-orang etnik Kadazandusun (Robert 1976: 495).

Menerusi usaha dakwah dan peningkatan komposisi Islam tersebut, secara tidak langsung,

ia telah memberikan satu perubahan besar dalam komposisi penduduk berdasarkan agama di Sabah. Bancian penduduk terawal penduduk Sabah telah dibuat ketika di bawah pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1881 sehingga 1942. Bagaimanapun ketika Perang Dunia Kedua meletus pada tahun 1942 sehingga 1946, Sabah telah dijajah oleh Jepun. Peperangan yang meletus telah menyebabkan sebahagian rekod bancian hilang. Selepas Jepun mengundurkan diri, Sabah diletakkan pula di bawah pentadbiran Kerajaan British sebagai British Crown Colony (Tanah Jajahan Mahkota British) bermula pada tahun 1946 sehinggalah kemerdekaan pada tahun 1963. Bancian penduduk yang telah dilakukan adalah pada tahun 1921, 1931, 1951 dan 1960. Manakala bancian penduduk terawal selepas kemerdekaan Sabah yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia adalah bermula pada tahun 1970. Bancian penduduk dilakukan sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Sehingga kini telah lima kali bancian penduduk telah dilakukan di bawah Kerajaan Malaysia iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2010. Bagi negeri Sabah, bancian populasi berdasarkan agama adalah seperti Jadual 2.

Berdasarkan kepada jadual di atas, dari tahun 1921 sehingga tahun 2010 berlaku peningkatan penganut bagi setiap agama sama ada Islam, Kristian, Buddha dan Hindu. Dengan peningkatan tersebut, ia telah menjadikan golongan tidak beragama (pagan) semakin berkurangan iaitu

JADUAL 2. Komposisi Penduduk Sabah Berdasarkan Agama

Agama/Tahun	1921	1931	1951	1960	1970	1980	1991	2000	2010
Islam	81886 (32%)	86713 (32%)	115126 (45%)	172324 (38%)	260945 (40%)	487627 (51%)	1062214 (61%)	1564839 (63%)	2096153 (65%)
Kristian	6980 (3%)	10454 (4%)	29092 (11%)	75247 (17%)	157422 (24%)	258606 (27%)	470371 (27%)	691096 (28%)	853726 (27%)
Buddha					63313 (10%)	78868 (8%)	126206 (7%)	160433 (7%)	194428 (6%)
Hindu						2896 (0.3%)	3231 (0.2%)	2468 (0.1%)	3037 (0.1%)
Lain-lain	33513 (13%)	41463 (15%)	33513 (13%)	206740 (46%)	94495 (15%)	65078 (7%)	25970 (2%)	17277 (0.7%)	5959 (0.2%)
Tidak Beragama	135425 (53%)	131593 (49%)	135425 (53%)		75131 (12%)	57481 (6%)	40726 (2%)	32087 (1.3%)	9850 (0.3%)
Tidak diketahui							1380 (0.08%)		43586 (1.3%)
Jumlah	257804 (100%)	270223 (100%)	257804 (100%)	454311 (100%)	651304 (100%)	950556 (100%)	1730098 (100%)	2468200 (100%)	3206742 (100%)

Sumber: Diambil dan diubahsuai daripada North Borneo Census & Banci Penduduk & Perumahan Malaysia

53% pada tahun 1921 dan 12% pada tahun 1970 dan seterusnya 0.3% pada tahun 2010. Apabila dibandingkan, jelas Islam pada awalnya merupakan agama minoriti pada tahun 1921 sehinggalah tahun 1960. Pada tahun 1921 penganut Islam hanyalah 32% dan bukan Islam (termasuk tidak beragama) adalah 68%. Pada tahun 1960 penganut Islam 38% dan bukan Islam 62%. Pada tahun 1970 penganut Islam meningkat kepada 40% dan peratusan bukan Islam mulai menurun kepada 60%. Pada tahun 1980 pula Islam terus meningkat menjadi 51% dan bukan Islam 49%. Pada tahun 2010, penganut Islam telah menjadi 65% dan bukan Islam 35%. Secara langsung, peningkatan tersebut telah mengubah demografi Islam sebagai agama majoriti dianuti oleh penduduk Sabah.

Rentetan daripada usaha dakwahmeningkatkan komposisi orang-orang Islam daripada kumpulan minoriti kepada majoriti, termasuk komposisi Ahli Dewan Undangan Negeri Muslim yang telah mencapai 2/3, maka pada 23 September 1973 merupakan detik bersejarah dalam perkembangan Islam di Sabah apabila Islam telah diiktiraf sebagai agama rasmi negeri (A Rahman Tang et. al 2018: 161; Mohd Nazim 2014: 18). Ia merupakan satu kemuncak kepada perkembangan Islam di Sabah selepas berdepan dengan pelbagai kekangan sejakera penjajahsehinggalah awal kemerdekaan. Kepimpinan Muslim yang diketuai oleh Tun Mustapha telah membuat pindaan terhadap Perlembagaan Negeri Sabah Perkara 5(A) yang menyatakan: "*Islam adalah agama negeri, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni di mana-mana tempat dalam negeri*"

Dengan pindaan tersebut, Tun Mustapha telah memberikan satu tapak dan benteng yang kukuh kepada perkembangan jangka panjang Islam di Sabah. Pindaan tersebut memberikan impak yang signifikan apabila kepentingan dan entiti-entiti hal-ehwal Islam dapat ditubuh dan dilaksanakan (Emin 2009: 93). Dalam erti kata lain, pindaan tersebut membuka ruang dalam pentadbiran negeri sama ada untuk menubuhkan, menyenggara, membantu, mengeluarkan perbelanjaan dan mengembangkan segenap entiti/ institusi yang bertujuan untuk menghidupkan agama Islam di Sabah. Entiti-entiti tersebut adalah seperti penubuhan majlis agama, jabatan agama, mahkamah dan undang-undang syariah, pengurusan masjid dan surau yang lebih sistematik, pengurusan dakwah, pengurusan umrah dan haji, pembangunan pendidikan Islam merangkumi pembinaan sekolah dan sebagainya.

Antara contoh yang jelas hasil daripada pindaan tersebut adalah penubuhan mahkamah dan pelaksanaan perundangan syariah seperti mana yang telah dilaksanakan di semenanjung Malaysia. Ini kerana sebelum Sabah dan Sarawak bersetuju bergabung bersama-sama Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk Malaysia, telah termeterai Memorandum Perjanjian 18 Perkara & 20 Perkara yang menyentuh hak Sabah dan Sarawak yang perlu dijamin (Habid's Buhigiba et al. 2019: 167; A Rahman Tang & Saidah 2017 :37). Perkara 1 merupakan inti pati yang menyentuh secara khusus berkenaan agama rasmi dan perundangan Islam di Sabah, iaitu:

"Walaupun tiada bantahan terhadap Islam menjadi agama rasmi Malaysia, agama rasmi tidak ada di Borneo Utara (Sabah) dan peruntukan berhubung dengan Islam mengikut perlembagaan Malaya hendaklah tidak merangkumi Borneo Utara (Sabah)"

Perkara 1 di atas telah memberikan implikasi yang besar apabila Islam bukan sahaja tidak menjadi agama rasmi, malah tidak adainstitusi perundangan Islam yang khusus dalam membicarakan berkenaan tuntutan hal ehwal orang-orang Islam. Segala tuntutan dan pertikaian yang melibatkan masyarakat Islam dan bukan Islam akan di adili di Mahkamah Anak Negeri (MAN) dan undang-undang yang terpakai khusus untuk orang-orang Islam hanyalah Muslim Ordinance 1953. Mahkamah Sivil juga terpakai sekiranya terdapat pihak-pihak bertikai yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Anak Negeri. Bagaimanapun hasil setelah pindaan tersebut dibuat, pada 1 Februari 1978, secara rasminya Mahkamah Syariah yang merangkumi Mahkamah Qadi, Mahkamah Qadi Besar dan Mahkamah Rayuan Syariah mulai beroperasi di Sabah (Ahadin 2012).

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, jelas menunjukkan pindaan Islam sebagai agama rasmi negeri telah memberikan kesan yang besar dan signifikan kepada perkembangan Islam di Sabah. Tun Mustapha merupakan tokoh terpenting yang telah mengangkat Islam pada kedudukan yang tertinggi. Komitmen dan usaha beliau yang beriklan terhadap Islam, telah meninggalkan satu legasi yang dapat dinikmati oleh masyarakat Islam Sabah seperti mana yang ada pada masa kini.

KESIMPULAN

Pindaan Perlembagaan Negeri Sabah Perkara 5(A) pada 23 September 1973 yang menetapkan Islam

sebagai agama rasmi negeri telah memberikan impak yang besar terhadap perkembangan jangka panjang Islam di Sabah. Tidak dinafikan pindaan yang berlaku telah mendatangkan situasi tidak senang di sisi masyarakat bukan Islam terutamanya etnik Kadazandusun. Hal ini disebabkan beberapa sebab antaranya yang pertama, Tun Mustapha telah mengubah komposisi penganut Kristian dan bukan Islam yang pada asalnya merupakan kumpulan dominan dan majoriti di Sabah. Kedua, masyarakat bukan Islam tidak bersetuju dengan gerakan Islamisasi yang dilakukan secara besar-besaran kerana terdapat unsur-unsur rasuah, ugutan dan paksaan terhadap orang bukan Islam untuk menganut Islam. Ketiga, terdapat banyak insiden berlaku yang menafikan hak kebebasan beragama apabila perkembangan agama-agama lain terutama Kristian telah disekat. Keempat, Tun Mustapha tidak menghormati dan telah melanggar asas perjanjian yang telah dimeterai sebelum pembentukan Malaysia iaitu menerusi Memorandum 20 Perkara bahawa tidak akan ada sebarang penetapan agama rasmi bagi negeri Sabah dan pelaksanaan perundangan syariah. Kelima, Tun Mustapha secara terbuka telah menyatakan hasrat beliau untuk menjadikan Sabah sebagai sebuah negeri yang masyarakatnya hanya akan mengamalkan satu bahasa, satu kebudayaan dan satu agama. Tun Mustapha sedar bahawa tindakan dan hasrat beliau ini bukan sahaja akan mendapat tentangan, tetapi merupakan satu faktor yang akan membunuh karier politik beliau. Bagaimanapun, disebabkan kedudukan masyarakat Islam yang disifatkan sukar untuk dikembangkan, beliau telah mengambil satu langkah drastik untuk mengubah senario tersebut. Pindaan tersebut secara langsung telah membawa Islam Sabah kepada satu transisi yang lebih baik dalam perkembangan hal ehwal dan kepentingan Islam keseluruhannya sama adadari segi perundangan, pendidikan, dakwah, ekonomi, institusi masjid dan surau, dan sebagainya. Tun Mustapha merupakan antara individu yang telah memainkan peranan dan berusaha untuk menjayakan proses pindaan tersebut. Kepentingan-kepentingan Islam yang dinikmati oleh masyarakat Islam di Sabah pada masa kini jelas bertitik tolak daripada pindaan tersebut. Peranan dan sumbangan Tun Mustapha telah menobatkan beliau sebagai salah seorang daripada tokoh besar yang perlu diingati dalam lipatan sejarah perkembangan peradaban Islam di Sabah.

RUJUKAN

- A Rahman Tang Abdullah & Saidah Ali. 2017. Proses kemerdekaan Sabah dan Sarawak (1961-1963): Tinjauan kembali aplikasi perundangan dalam penubuhan Malaysia. *Jurnal Jebat* 44 (1): 24-57.
- A Rahman Tang Abdullah, Bilcher Bala & Pandikar Amin Mulia. 2018. Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sebagai dokumen sejarah dan kedudukan perundangannya dalam konteks masa kini. *Jurnal Borneo Arkhailogia* 3(2): 143-184.
- Abdullah Hussain. 1976. *Tun Datu Mustapha: Bapa Kemerdekaan Sabah*. Kuala Lumpur: M.F.I.
- Ahadin Arinen. 2012. Perundangan Islam di Sabah: sejarah Mahkamah Syariah dan bidang kuasa. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Perundangan Islam di Sabah, anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Majlis Professor Negara & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Sabah), 4 Disember, Kota Kinabalu, Sabah.
- Alexander Ginli. 2018. Isu keagamaan dalam era pentadbiran Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), 1967-1976. *Jurnal Borneo Arkhailogia* 3(2): 133-141.
- Arkib Negara Malaysia. 2011. *Tun Datu Haji Mustapha Bin Datu Harun*. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/tun-datu-haji-mustapha-bin-datu-harun>. Accessed on: 12 Disember 2018.
- Awang Sahari Abdul Latif. 1994. Peranan USIA dalam membina kepentingan agama Islam di Sabah. 25 Disember. Dewan Datuk Salleh Sulung Papar. Fail Keratan Artikel Muzium Tamadun Islam Sabah/F23/Jild.
- Bainol Lazimin. 2018. Strategi kristianisasi di Daerah Kota Marudu, 1985-1994. *Jurnal Borneo Arkhailogia* 3(2): 185-199. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/1628>. Diakses pada: 9 Jan 2020.
- Dayu Sansalu. 2013. *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah 1881-1981*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Emin Madi. 2009. *Sinar Perjuangan USIA*. Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah.
- Faisal S. Hazis. 2018. Domination, contestation, and accommodation: 54 years of Sabah and Sarawak in Malaysia. *Southeast Asian Studies* 7(3): 341-361.
- Habid's Buhigiba Mohamad Bustamam, Suffian Mansor & Mohd Bin Samsudin. 2019. Reaksi Masyarakat Limbang terhadap rancangan pembentukan Malaysia melalui siasatan Suruhanjaya Cobbold 1962. *Jurnal Akademika* 89(1): 161-173.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. 2017. Pengaruh budaya tradisi dan Islam dalam evolusi adat dan ritual kematian Komuniti Bajau. *Jurnal Akademika* 87(3): 31-46.
- Hamdan Aziz. 2015. *USNO dan BERJAYA: Politik Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Ismail Yusoff. 1994. Konflik politik Sabah: satu kajian kes. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor D.E.
- Ismail Yusoff. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- IyenAtim. 2016. *Migran Agamawan Indonesia di Sabah*. Temu bual, 4 Februari.
- Jabatan Ketua Menteri Sabah Bahagian Kabinet & Dasar. T.th. Kabinet negeri Sabah: Kabinet 11 Mei 1967 – 06 Oktober 1971. (<http://www.bkd.sabah.gov.my/?q=content/kabinet-11-mei-1967-06-oktober-1971>). Accessed on: 5 Mei 2019.
- Jones L. W. t.th. *North Borneo: A Report on the Census of Population Held on 4th June 1951*. London: The government of the colony of North Borneo by the crown agents for the colonies.
- Jones, L.W. 1962. *North Borneo: Report on the Census of Population Taken on 10th August 1960*. Kuching: Government Printing Office.
- Julia Chan. 2018. Malaysia today, through the eyes of Bapa dari Sabah, Fuad Stephens'smchildren. *mMalaymail*, m18mSeptember. mhttps://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/09/16/malaysia-today-through-the-eyes-of-bapa-dari-sabah-fuad-stephenss-children/1672981. Accessed on: 15 Mei 2019.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881- 1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- MatinPandin. 2017. *Migrasi dan impaknya terhadap perkembangan Islam Sabah*. Temu bual, 14 Julai.
- Mohamed Anwar Omar Din, Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Mat Zin Mat Kib&Junaidi Abu Bakar. 2017. Peranan UMNO menegakkan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan: satu kajian secara kronologikal. *Akademika* 87(1).mhttp://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/14361/5706. Accessed on: 5 Mei 2019.
- Mohd Azrone Sarabatin. 2008. Datu Mustapha Bapa Kemerdekaan Sabah. *Berita Harian*, 8 Jun.
- Mohd Nazim Ganti Shaari. 2014. "Unconstitutional Constitutional Amendments?": Exploring the 1973 Sabah constitutional amendment that declared Islam the state religion. *Jurnal Kajian Malaysia* 32(2): 1-21.
- Mohd Nor Long. 1978. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nur Hidayat HasbollahHajimin, IbnorAzli Ibrahim & Azizah Kassim. 2016. Migrasi Dakwah dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah dari Sudut Demografi dan Politik. Proceedings of the 10th International Malaysian Studies Conference, hlm 1001-1016.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, IbnorAzli Ibrahim & Azizah Kassim. 2016. Impak Migrasi Pelarian Muslim Filipina Terhadap Survival Politik Muslim Sabah (1963-2013). *E-Jurnal Sultan AlauddinSulaiman Shah* 3(2). http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files5/jsass_vol3bil2_010_hidayat.pdf. Accessed on: 5 Mei 2019.
- Muchlish Sitanggang Ali Kassim. 2016. Migran agamawan Indonesia di Sabah. Temu bual, 21 Februari.
- Norsuhaila Sulaiman, Sim Chee Cheang & Asmiaty Amat. 2019. Changing Narrative Landscape: Selected Sabah Short Stories from the 1980's to the New Millenium. *Malay Literature* 32(2): 239- 256.
- Regina Lim. 2008. *Federal State Relations in Sabah, Malaysia: The BERJAYA Administration, 1976-85*. Singapore: Institute of Southest Asian Studies.
- Robert O. Tilman. 1976. Mustapha's Sabah, 1968-1976: The Tun steps down. *Asian Survey* 16(6): 495-509.
- Sabihah Osman, Ismail Ali &Baszley Bee B. Basrah Bee. 2006. *Tun Datu Hj. Mustapha Bin Datu Harun: Jasa Baktinya dalam Pembangunan Sosial di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2018. Ngalai: Ritual penyembuhan dalam kalangan Orang Bajau di Kota Belud, Sabah. *Akademika* 88(3): 101-112.
- Sharifah Sara Hasliza Syed Hamid, &Akhmetova, E. 2019. Islam and politics in Malaysia: The realisation of Islam as a state religion in Sabah. *Journal of Islam in Asia* 16(2): 302-320. <https://doi.org/10.31436/jia.v16i2.734>. Accessed on: 9 Jan 2020.
- Suraya Sintang. 2013. *Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Suzanah Nilam. 2012. Gerakan dakwah di Kota Kinabalu: kajian terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- SyamruddinNasution& Abd. Ghofur. 2017. Perkembangan Islam di Sabah Malaysia (Perspektif Sosio-Historis). *Jurnal Toleransi* 9 (2): 152- 183.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar. 2017. Islam agama bagi persekutuan: Satu kajian sejarah perundangan. *Jurnal Akademika* 87(3): 179-195.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin (Corresponding author)
Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan
87000, WP Labuan, Malaysia
E-mail: mnhidayath_h@ums.edu.my
- Pg Mohd FaezulFikri Ag Omar
Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan,
Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan,
87000, WP Labuan, Malaysia.
E-mail:pgfaezul@ums.edu.my

Noor Afqah Athirah Hajimin
Kluster Pendidikan & Sains Sosial
Open University Malaysia,
88200, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
E-mail: naathirah.h@gmail.com

Received: 13 Disember 2019
Accepted: 5 March 2020

